

PERATURAN KELUAR MASUK PELAJAR

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP)

KUALA LUMPUR

(SEPANJANG PELAKSANAAN PKP/PKPB/PKPP)

Berikut adalah arahan dan peraturan tambahan berdasarkan kepada **Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) Tahun 2016** : -

1. Pelajar **TIDAK dibenarkan** keluar dari kawasan Institut semasa waktu latihan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa Institut.
2. Pelajar yang dibenarkan untuk keluar dari kawasan institut (terhad kepada 2 slot sahaja semasa waktu latihan) hendaklah meninggalkan kad keluar masuk pelajar di pondok pengawal.
3. Pelajar yang tinggal di asrama **TIDAK dibenarkan menggunakan motosikal pada hari latihan**. Penggunaan motosikal hanya dibenarkan pada hujung minggu sahaja (Sekiranya dibenarkan pulang bermalam).
4. Pelajar yang tinggal di luar dikehendaki meninggalkan **Kad Pelajar Tinggal Luar** di pondok pengawal dan mengambil semula kad selepas waktu latihan selesai.
5. Mana-mana pelajar yang keluar dari kawasan institut bersama pegawai atau kakitangan ILP Kuala Lumpur dikehendaki **mendapat kebenaran** bertulis daripada pihak berkuasa institut dan mengikut peraturan yang sedang berkuatkuasa.
6. Pelajar lelaki **TIDAK dibenarkan** memakai seluar pendek ketika keluar dan masuk ke institut.
7. Pelajar perempuan hendaklah memakai **baju kurung atau pakaian bersesuaian (non muslim) yang sopan**, tidak ketat ketika keluar dan masuk ke institut.
8. Semua pelajar yang keluar dari kawasan institut hendaklah **mendapatkan kebenaran** dan dikehendaki **mematuhi peraturan keluar masuk** seperti yang ditetapkan didalam peraturan yang sedang berkuatkuasa.
9. Ibu, bapa dan penjaga **TIDAK dibenarkan** sama sekali memasuki bilik dan kawasan asrama pada bila-bila masa.
10. Pelajar dibenarkan berjumpa ibu, bapa dan penjaga di **ruang hadapan Pondok Pengawal** sahaja untuk urusan penyerahan makanan dan barang keperluan **sebelum jam 9.00 malam**.
11. Ibu, bapa dan penjaga **TIDAK dibenarkan** membawa keluar pelajar tanpa kebenaran pihak berkuasa institut.
12. **Penghantaran makanan** yang dibeli melalui *Food Panda*, *Grab Food* dan mana-mana penyedia penghantaran makanan hanya **dibenarkan** di **Pondok Pengawal** sahaja.

Mana-mana pelajar yang tidak mengikuti peraturan yang dinyatakan seperti di atas atau peraturan Institut yang sedang berkuatkuasa akan dikenakan tindakan tatatertib.

Sekian, harap maklum.

Arahan,

PENGARAH
Institut Latihan Perindustrian
Kuala Lumpur

9 Mac 2021

